



## PANDUAN PENGGUNA

**Pihak Bukan-Peguam Yang Ingin Mewakili  
Syarikat-syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad atau  
Persatuan-persatuan Yang Tidak Diperbadankan  
dalam Prosiding Undang-undang.**

Kandungan panduan ini adalah sebagai tujuan rujukan sahaja dan tidak terikat kepada Mahkamah. Panduan ini tidak bertujuan untuk memberikan anda nasihat undang-undang tetapi untuk membantu pihak bukan-peguam lebih memahami syarat-syarat umum dari syarat-syarat minimum bagi permohonan mendapatkan kebenaran Mahkamah untuk mewakili sesebuah syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad atau persatuan yang tidak diperbadankan dalam prosiding undang-undang (kemudian dari ini disebut dalam Panduan ini sebagai “syarikat<sup>1</sup>”).

Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai syarat-syarat tersebut, sila dapatkan nasihat undang-undang. Daftar peguam berkeelayakan yang diselenggarakan oleh Penguasa Pengawalseliaan Khidmat Guaman (LSRA) boleh didapati di internet di laman web Kementerian Undang-undang di [www.mlaw.gov.sg/eservices/lra/lra-home/](http://www.mlaw.gov.sg/eservices/lra/lra-home/). Anda juga boleh hubungi LSRA di talian 1800-CALL-LAW (1800 2255 529) atau +65 2255 529 (panggilan dari luar negara).

<sup>1</sup>“syarikat” termasuk Perkongsian Liabiliti Terhad (LLPs) dan beberapa persatuan yang tidak diperbadankan. Jika anda cuba untuk bertindak bagi persatuan yang tidak diperbadankan, panduan ini hanya boleh digunakan untuk persatuan yang tidak diperbadankan yang bukan perkongsian atau kesatuan sekerja berdaftar.

### **Siapa yang boleh mewakili syarikat?**

Syarikat-syarikat sebagai plaintif atau defendan dalam prosiding undang-undang biasanya harus diwakili peguam-peguam berkecualan. Walau bagaimanapun, Mahkamah boleh membenarkan permohonan sesebuah syarikat agar pegawai syarikat tersebut bertindak bagi pihak syarikat dalam prosiding undang-undang sekiranya Mahkamah berpuas hati bahawa pegawai tersebut telah diberi kuasa oleh syarikat untuk berbuat demikian, dan adalah wajar untuk membolehkan pegawai tersebut bertindak bagi pihak syarikat bergantung pada keadaan kes.

### **Siapakah pegawai syarikat yang boleh diberikan kebenaran Mahkamah untuk mewakili syarikat?**

Tidak semua pegawai syarikat dibenarkan untuk mewakili syarikat dalam prosiding undang-undang. Di bawah Perintah 1 Peraturan 9(6) Peraturan-peraturan Mahkamah (Bab 322, R 5, 2014 Edisi Semakan), hanya pegawai-pegawai yang berikut dibenarkan untuk mewakili syarikat:

- a) Seorang pengarah atau setiausaha syarikat atau orang yang diambil kerja sebagai eksekutif oleh syarikat tersebut.
- b) Berhubung dengan Perkongsian Liabiliti Terhad, rakan kongsi atau pengurus Perkongsian Liabiliti Terhad.
- c) Bagi persatuan yang tidak diperbadankan (yang bukan perkongsian atau kesatuan sekerja berdaftar), presiden, setiausaha, atau mana-mana anggota jawatankuasa persatuan yang tidak diperbadankan.

### Bagaimana permohonan boleh dibuat?

Permohonan rasmi oleh syarikat agar Mahkamah memberikan kebenaran kepada seorang pegawai mewakili syarikat dalam prosiding undang-undang hendaklah dibuat dengan memfailkan satu saman dalam borang yang ditetapkan (Borang 60) bersama-sama dengan affidavit. Contoh templat memfail boleh dimuat turun dari laman web Biro Perkhidmatan LawNet di [www.elitigation.sg/layouts/IELS/Home/SBForms.aspx](http://www.elitigation.sg/layouts/IELS/Home/SBForms.aspx).

Saman dan affidavit tersebut boleh difailkan melalui Biro Perkhidmatan LawNet pada waktu pejabat, di:

- Tingkat 1, Supreme Court Building, 1 Supreme Court Lane, S(178879) atau
- 133 New Bridge Road, Chinatown Point #19-01 / 02, S(059413)

Pemfailan dan pengendalian manual Biro Perkhidmatan dikenakan bayaran yuran. Yuran pemfailan biasa permohonan saman adalah \$100 bagi kes-kes yang bernilai sehingga \$1 juta dan \$200 bagi kes-kes yang bernilai lebih daripada \$1 juta. Affidavit-afidavit dikenakan bayaran \$2 bagi satu mukasurat tertakluk kepada bayaran minimum sebanyak \$50 bagi satu affidavit. Yuran pemfailan mahkamah boleh didapati di Lampiran B Peraturan-peraturan Mahkamah. Yuran Biro Perkhidmatan boleh didapati di [www.elitigation.sg/layouts/IELS/Home/SBFees.aspx](http://www.elitigation.sg/layouts/IELS/Home/SBFees.aspx).

Jika anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Biro Perkhidmatan, sila hubungi pejabat mereka di No. Tel. (65)6337 9164 atau rujuk kepada laman web mereka di [www.elitigation.sg/layouts/IELS/Home/SBAbout.aspx](http://www.elitigation.sg/layouts/IELS/Home/SBAbout.aspx) atau melalui e-mel [supremesb@crimsonlogic.com.sg](mailto:supremesb@crimsonlogic.com.sg)

Sila ambil perhatian bahawa selepas saman telah diterima untuk difailkan, Mahkamah akan mengeluarkan nombor saman (SUM) dan tarikh perbicaraan. Kesemua saman dan dokumen yang relevan kemudian harus diserahkan kepada semua pihak dalam permohonan tersebut menurut peraturan-peraturan dan tatacara yang berlaku. Secara umumnya, semua saman hendaklah diserahkan melalui perkhidmatan biasa, contohnya, melalui faks atau pos, dan lain-lain, sila lihat Perintah 62 Peraturan 6. Anda juga boleh merujuk kepada antara lain Perintah 32 dan 62 Perintah-perintah Mahkamah (Bab 322, R5, 2014 Edisi Semakan) untuk maklumat lanjut mengenai penyerahan dokumen-dokumen.

## Syarat-syarat yang mesti dipenuhi dalam affidavit sokongan

Pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan bagi perbicaraan permohonan, semua pihak dikehendaki menghadiri perbicaraan di tempat yang ditetapkan di Mahkamah Agung. Pegawai yang memohon kebenaran Mahkamah untuk mewakili syarikat perlu bersedia menjelaskan kepada Mahkamah tentang semua isu relevan yang timbul dalam permohonan tersebut. Sila ambil perhatian bahawa perbicaraan boleh dijadualkan semula dari semasa ke semasa mengikut budi bicara Mahkamah and Mahkamah akan berkomunikasi tentang penjadualan semula melalui surat-menyurat daripada Mahkamah kepada para pihak kepada perkara tersebut. Semua perbicaraan yang dijadualkan boleh didapati dalam talian di [www.supremecourt.gov.sg](http://www.supremecourt.gov.sg) pada setiap minggu.

Affidavit hendaklah dibuat oleh pegawai dari syarikat tersebut selain pegawai yang telah dilantik untuk mewakili syarikat dalam prosiding undang-undang. Iaitu, jika permohonan itu adalah untuk anda mewakili syarikat dalam prosiding undang-undang, anda tidak boleh membuat affidavit untuk menyokong permohonan ini sendiri.

Untuk maklumat am mengenai apakah affidavit dan bagaimana untuk memfailkan affidavit, sila rujuk kepada bahagian Soal-jawab yang Lazim di laman web Mahkamah Agung Singapura di [www.ifaq.gov.sg/SUPREMECOURT/apps/fcd\\_faqmain.aspx](http://www.ifaq.gov.sg/SUPREMECOURT/apps/fcd_faqmain.aspx). Pada ruang sebelah kiri, pilih “Proses Litigasi”, diikuti dengan “Menyediakan Dokumen-dokumen Mahkamah”.

Selanjutnya, affidavit haruslah memenuhi syarat-syarat berikut jika permohonan adalah untuk melantik anda mewakili syarikat dalam prosiding undang-undang:

- 1) Ia mesti menyatakan perkara-perkara yang berikut:
  - a) Kedudukan anda sebagai seorang pegawai dalam syarikat;
  - b) Tarikh anda diberi kuasa untuk bertindak bagi syarikat tersebut;
  - c) Bagaimana anda diberi kuasa untuk bertindak; dan
  - d) Mengapa anda harus dibenarkan untuk bertindak bagi pihak syarikat.

- 2) Ia perlu menjelaskan mengapa syarikat tersebut tidak boleh melantik seorang peguam yang berkelayakan untuk mewakili syarikat dalam prosiding, sejauh mana rumitnya kes tersebut dan apakah isu yang dipertikaikan, dan bagaimana lemah atau kuatnya kes syarikat anda.
- 3) Oleh sebab Mahkamah perlu berpuas hati bahawa anda boleh membantu Mahkamah dalam prosiding dan juga boleh memahami dan mematuhi apa-apa perintah atau arahan yang diberi oleh Mahkamah dalam prosiding tersebut, affidavit juga harus mengandungi maklumat tentang keupayaan anda untuk mengendalikan kes bagi syarikat (contohnya kelayakan anda, keupayaan bahasa, sama ada anda tinggal di Singapura atau di tempat lain, atau sama ada anda seorang muflis yang belum dilepaskan).
- 4) Ia harus mengandungi salinan dokumen syarikat membenarkan anda bertindak bagi pihak syarikat (misalnya Waran untuk Bertindak atau dokumen-dokumen lainnya).
- 5) Dokumen-dokumen yang menyokong permohonan haruslah dijadikan eksibit kepada affidavit tersebut. Sebagai contoh, jika affidavit menyatakan bahawa syarikat tidak mampu melantik peguam kerana kekurangan akses kepada sumber kewangan, maka bukti dokumen berkaitan dengan kedudukan kewangan syarikat hendaklah dijadikan eksibit.

### **Di mana syarat-syarat boleh didapati**

Sila rujuk kepada Perintah 1 Peraturan 9, Peraturan-peraturan Mahkamah (Bab 322, R 5, 2014 Edisi Disemak), terutamanya sub-perenggan (4). Peraturan-peraturan Mahkamah boleh didapati dalam talian di [www.supremecourt.gov.sg/rules/court-processes/rule-of-court](http://www.supremecourt.gov.sg/rules/court-processes/rule-of-court).

Terdapat juga keputusan-keputusan Mahkamah yang menjelaskan bagaimana Mahkamah menimbangkan permohonan bagi pihak bukan-peguam untuk mewakili syarikat dalam prosiding undang-undang. Ini termasuk *Bulk Trading SA lwn Pevensey Pte Ltd dan satu lagi* [2015] 1 SLR 538 dan *Allergan, Inc dan satu lagi v Ferlands Nutra Pte Ltd* [2015] 2 SLR 94.

### Apakah yang Hakim boleh perintah terhadap permohonan?

Hakim akan menimbangkan segala hujah-hujah yang dibuat oleh semua pihak bagi permohonan tersebut sebelum membuat keputusan. Beliau boleh membenarkan atau menolak permohonan dan/atau membuat apa-apa perintah lain yang sesuai. Oleh itu, walaupun semua syarat-syarat dalam memfailkan permohonan telah dipenuhi, Hakim masih boleh menolak sesuatu permohonan jika beliau berpendapat bahawa, mengikut keadaan kes itu, ianya tidak sesuai untuk memberikan kebenaran kepada seseorang untuk mewakili syarikat.

Juga, satu keputusan yang Hakim mungkin boleh buat adalah untuk membolehkan seseorang mewakili syarikat yang tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Satu contoh bagi syarat-syarat ini boleh didapati dalam kes *Bulk Trading SA Iwn Pevensey Pte Ltd dan satu lagi [2015] 1 SLR 538* di mana Mahkamah memberikan kebenaran kepada pegawai untuk mewakili syarikat tersebut dengan syarat bahawa:

- a) Pegawai tersebut boleh dihubungi berkenaan semua perkara dalam prosiding undang-undang dan juga untuk memudahkan penyerahan dokumen-dokumen mahkamah, dan oleh itu, beliau telah diarahkan untuk memberikan butir-butir agar beliau dapat dihubungi seperti alamat kediaman dan nombor telefon beliau.
- b) Pegawai tersebut memberikan janji (akujanji) untuk membayar kos guaman jika Mahkamah kemudiannya membuat apa-apa perintah terhadap syarikat itu; dan
- c) Pegawai tersebut harus memberikan maklumat mengenai asetnya di Singapura untuk memenuhi apa-apa kos yang bakal dibuat terhadap syarikat.